



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN LAMAN AGRO-FOOD FLORIKULTUR
“*MAGICA GARDEN*”, JABATAN PERTANIAN
MAHA 2026**

**30 OGOS 2026 | AHAD
MAEPS, SERDANG, SELANGOR**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian Laman Florikultur "*Magica Garden*" Jabatan Pertanian sempena MAHA 2026.
2. Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail. Kehadiran Yang Amat Berbahagia Dato' Seri pada hari ini amat bermakna buat kami di Jabatan Pertanian, kerana ini merupakan kali kedua berturut-turut Dato' Seri sudi memenuhi jemputan kami, selepas merasmikan Laman "Miracle Garden" pada edisi MAHA 2024. Kehadiran semula Yang Amat Berbahagia Dato' Seri bukan sahaja menaikkan seri majlis, malah menjadi pendorong semangat serta bukti sokongan berterusan Yang Amat Berbahagia Dato' Seri terhadap pembangunan industri florikultur negara.
3. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk Seri Hj. Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan isteri, barisan tetamu kehormat serta sidang hadirin sekalian yang sudi memeriahkan majlis ini.
4. Sesungguhnya, sokongan padu daripada semua pihak mencerminkan komitmen teguh terhadap usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Pertanian dalam memperkasakan industri florikultur sebagai subsektor bernilai tinggi dalam sektor pertanian negara.

Sidang hadirin sekalian,

5. Seiring dengan tema MAHA 2026, “Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan”, industri florikultur merupakan antara subsektor bernilai tinggi yang menunjukkan pertumbuhan domestik dan pasaran antarabangsa yang berterusan. Perkembangan positif ini turut disokong oleh peningkatan nilai pengeluaran domestik yang meningkat daripada RM242.9 juta pada tahun 2023 kepada RM250.3 juta pada tahun 2024, iaitu merekodkan pertumbuhan sebanyak 3.05 peratus. Manakala bagi nilai eksport pula, ia turut mencatatkan peningkatan sebanyak 2.44 peratus, iaitu daripada RM405.2 juta kepada RM415.1 juta bagi tempoh yang sama.
6. Angka-angka ini membuktikan daya tahan serta potensi strategik industri florikultur sebagai pemacu ekonomi dan pelengkap kepada agenda keterjaminan makanan negara. Antara bunga utama yang dieksport termasuklah kekwa, orkid, lili, ros, teluki, foliage dan keratan bunga lain ke pasaran antarabangsa seperti Jepun, Thailand, Australia, Singapura, Hong Kong dan Taiwan.
7. Justeru, Jabatan Pertanian komited memikul tanggungjawab untuk menonjolkan kepentingan industri ini melalui pameran serta pengisian pelbagai aktiviti berimpak tinggi di laman ini.

Yang Amat Berbahagia Dato’ Seri dan hadirin sekalian,

8. Laman Florikultur kali ini tampil dengan tema “Magica Garden” yang menonjolkan sepuluh (10) elemen tumpuan serta 101 jenis tanaman bunga-bunga, sebagai simbolik kepada pengedaran 101 Tahun Sambutan MAHA untuk memberikan pengalaman unik kepada para pengunjung.
9. Kepelbagaian jenis bunga dan reka bentuk landskap yang dipamerkan bukan sahaja menjadi tarikan estetika dan lokasi fotografi (OOTD), malah menterjemahkan aspirasi Malaysia MADANI dalam membentuk negara yang seimbang, adil, dan harmoni dalam kepelbagaian. Menjelang sebelah malam, laman ini akan diselimuti limpahan pencahayaan artistik yang mewujudkan suasana taman magis yang sungguh memukau.
10. Di kesempatan ini juga, saya berharap agar Yang Amat Berbahagia Dato’ Seri untuk menyaksikan penyampaian Inisiatif Program Pemerkasaan Agromakanan Negara (PPAN) – Pengukuhan Pembangunan Industri Florikultur. Semoga inisiatif bernilai RM800,000 ini dapat menyuntik semangat kepada 22 orang pengusaha untuk terus menghasilkan produk florikultur yang berkualiti tinggi dan bertaraf global.

Hadirin sekalian,

11. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, barisan tetamu kehormat dan sidang hadirin kerana sudi hadir ke majlis ini.

12. Terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan-rakan strategik Jabatan Pertanian yang turut berkerjasama dalam membantu menceriakan laman ini. Semoga keindahan laman ini dapat dihayati dan dinikmati bersama oleh semua pengunjung sepanjang berlangsungnya MAHA 2026.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.